

**PERANAN POLIS MUAR MENANGANI GEJALA SAMSENG DAN
KONGSI GELAP DIKALANGAN PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH DI
DAERAH MUAR**

Oleh

ABDUL MALEK BIN HJ. HASHIM

NO : 93627097

RASHIDAH BTE ISMAIL

NO : 93628452

**Kertas Projek Yang Dikemukakan kepada
Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang
Institut Teknologi MARA, Cawangan Melaka
Untuk Memenuhi Sebahagian Dari Syarat Untuk
memperolih Diploma Pentadbiran Awam**

April 1998

PENGHARGAAN

Shukur Alhamdulillah kehadiran Allah s.w.t kerana dengan rahmat dan hidayahnya akhirnya dapat kami berdua menyiapkan satu kertas projek yang menjadi keperluan dalam memperolihi Diploma Pentadbiran Awam.

Kami ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah serta pembimbing kami iaitu Prof. Madya Tn. Hj. Ilias bin Hj. Zaidi, Pensyarah Institut Teknologi Mara, Cawangan Lendu, Melaka. Beliau seorang yang tanpa jemu telah menunjuk ajar kami dari awal kajian sehingga laporan ini sempurna disediakan. Tanpa bimbingan, galakan serta dorongan beliau, kajian ini tidak mungkin menjadi kenyataan.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada mereka dibawah ini yang telah memberi kerjasama dan menyalurkan maklumat-maklumat yang dikehendaki sehingga kami telah berjaya menyediakan satu Kertas Projek atas tajuk “Peranan Polis Muar dalam menangani Gejala Samseng dan Kongsi Gelap DiKalangan Pelajar Sekolah Di Daerah Muar”

- a) DSP Yusof bin Mohd Diah, Ketua Cawangan Khas Daerah Muar.
- b) Insp Abdulah Sani bin Ramli, Pegawai Pencegah Kongsi Gelap, Perjudian dan Maksiat, IPD Muar.
- c) Kpl.117993 Adam bin Md. Din, Anggota Unit Risikan Jenayah IPD Muar.
- d) En. Nolphisham bin bin Hj. Zainal Abidin, Pegawai Kaunseling/ Disiplin Pejabat Pendidikan Daerah Muar.

KANDUNGAN

TAJUK	Muka surat
PENGHARGAAN	i
KANDUNGAN	ii
ABSTRAK	iv
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	viii
SINGKATAN PERKATAAN	ix

BAB

1 PENGENALAN KERTAS PROJEK

1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan Masalah/ Keterbatasan Kajian	2
1.3	Hipotesis Kajian	3
1.4	Objektif Kajian	3
1.5	Kepentingan Kajian	4
1.6	Metodologi Kajian	5

11 LATARBELAKANG

2.1	Pengenalan Dan Latarbelakang Prasarana Yang Terdapat Di Daerah Muar Serta Perkembangan Sosial	7
2.2	Latarbelakang Kumpulan-Kumpulan Samseng /Kongsi Gelap	9
2.3	Peranan Polis Muar	15
2.4	Laporan Pejabat Pendidikan Daerah Muar	17

ABSTRAK

Daerah Muar telah beberapa kali digemparkan dengan pembabitan pelajar-pelajar sekolah dalam perlakuan samseng dan jenayah. Ini telah terpapar secara meluas dalam semua akhbar-akhbar tempatan dan media massa mengenai gejala sosial yang sedang melanda dikalangan pelajar-pelajar sekolah di daerah tersebut. Ia menjadi satu perbualan hangat dan fokus masyarakat terhadap isu ini.

Kajian ini bertujuan mengenal pasti gejala-gejala sosial yang melanda remaja hari ini, bagaimana dan sejauh mana penglibatan pelajar-pelajar sekolah terdorong dan terjebak dalam gejala samseng dan kongsi gelap ini dan cara menanganinya . Kajian hanya tertumpu kepada pelajar-pelajar sekolah di Daerah Muar sahaja. Beberapa buah sekolah telah dikenal pasti dalam kajian ini.

Kajian ini telah mendapat kerjasama yang erat dari beberapa orang pegawai polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Muar dan seorang pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah Muar yang mengetahui dan terlibat secara langsung dalam menangani gejala-gejala ini.

Pada kesimpulan kajian ini, kami dapati setiap kes yang melibatkan pelajar-pelajar dalam gejala samseng dan kongsi gelap berpunca dari masalah sosial yang terdapat dipersekitaran. Walau bagaimanapun jumlah pelajar-pelajar yang terlibat adalah tersangat

kecil. Dapati pelajar-pelajar dikalangan bangsa melayu tidak terlibat dalam kumpulan kongsi gelap sebaliknya merupakan kumpulan budak jahat yang dianggap samseng yang cuba menunjuk-nunjuk dan menonjolkan diri dikalangan rakan-rakan sebaya mereka bahawa merekalah orang yang hebat atau berani dan melakukan sesuatu yang menyalahi tertib atau undang-undang. Sementara bagi pelajar-pelajar Cina yang terlibat memberi pengakuan, mereka secara tidak langsung merupakan ahli kumpulan kongsi gelap. Mereka pernah membayar wang yuran kepada geng kongsi gelap, pernah memohon bantuan dari geng ini, memeras ugut pelajar-pelajar lain dan melibatkan diri dalam kes pergaduhan.